

**NO. SOALAN : 438**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN**

**RUJUKAN : 8813**

**SOALAN:**

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada pihak Kementerian ada rancangan untuk mengambil pelarian Rohingya dari Myanmar untuk bekerja di Malaysia memandangkan mereka sedang mencari perlindungan di Malaysia dari penindasan Kerajaan asal mereka.**

**JAWAPAN:**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Mac 2016 telah bersetuju dengan Penubuhan Jawatankuasa Kerja Projek Perintis Kebenaran Bekerja Untuk Pemegang Kad UNHCR Etnik Rohingya.**

**Jawatankuasa Kerja tersebut pada masa ini sedang memperincikan dasar dan prosedur pelaksanaan Projek Perintis yang berkenaan termasuk aspek perundangan dan teknikal yang berkaitan.**